



MB Kelantan berjaya buka pintu Jakarta-Kota Bharu

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDAH-ZULHIJAH 1447H | 15-21 MEI 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Pidato Prof Dr Abdul Somad
himpunkan ribuan umat

UEC tidak diiktiraf untuk
kemasukan program Asasi KIAS
- Exco Pengajian Tinggi

“Guru Bitara, Nadi Negara” tepat
gambar peranan, pengorbanan
warga pendidik – MB Kelantan

Pemangku Raja Kelantan kurnia RM50,000 Tabung Save Palestin kepada MyCARE

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 Mei — Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibn Almarhum Sultan Ismail Petra berkenan mengurniakan sumbangan Tabung Save Palestin berjumlah RM50,000 kepada Humanitarian Care Malaysia (MyCARE) dalam satu majlis di sebuah hotel di sini, pada Sabtu.


Sumbangan itu diterima Pengerusi MyCARE Dato’ Seri Ir. Kamal Nasharuddin Mustapha untuk disampaikan kepada rakyat Palestin yang berdepan penderitaan akibat krisis kemanusiaan.

Dato’ Seri Ir. Kamal Nasharuddin menzahirkan rasa syukur atas pengurniaan sumbangan berkenaan dan menyifatkannya sebagai lambang keprihatinan institusi diraja terhadap usaha kemanusiaan, kebajikan serta kesejahteraan rakyat.

“Junjung kasih Tuanku atas perkenan bersama rakyat menyokong usaha murni seperti ini serta memberi kepercayaan kepada kami untuk terus berkhidmat,” katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Beliau memaklumkan bahawa MyCARE merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kemanusiaan yang berdaftar sejak 2010 dan membantu mangsa bencana alam, krisis kemanusiaan, peperangan serta golongan miskin tegar di Malaysia dan 24 negara lain.

Katanya, sehingga tahun ini,



MyCARE sudah mengagihkan bantuan melebihi RM233 juta, termasuk RM29.1 juta yang disalurkan ke Gaza, Palestin dalam tempoh dua tahun bermula 7 Oktober 2023 hingga 7 Oktober 2025.

“Antara projek yang dilaksanakan melalui ibu pejabat MyCARE di Gaza ialah bantuan makanan, bantuan perubatan, bekalan air bersih, penempatan sementara, bantuan selain makanan seperti tilam, lampin dan pakaian, bantuan pendidikan, bantuan pemulihan awal serta bantuan anak yatim,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jajahan Gua Musang Mohd Roshdi Ismail berkata, Tabung Save Palestine dilancarkan oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan pada 2024 sempena keberangkatan baginda ke program “Walk With Yang Teramat Mulia Tengku Mah-

kota Kelantan”.

Katanya, hasil keprihatinan Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan terhadap rakyat Palestin, tabung berkenaan berjaya mengumpulkan sumbangan awal sebanyak RM40,000 daripada orang ramai.

“Melihat sambutan luar biasa dan semangat rakyat yang tidak pernah luntur dalam membantu perjuangan kemanusiaan, Yang Maha Mulia Tuanku kemudian menitahkan agar usaha ini diteruskan sehingga tabung mencapai sasaran RM50,000.

“Alhamdulillah, pada hari yang penuh berbahagia ini, dengan izin Allah SWT dan berkat titah serta keprihatinan Yang Maha Mulia Tuanku, Tabung Save Palestine akhirnya berjaya mencapai sasaran RM50,000 sebagaimana dihasratkan,” katanya ketika memberi uca-

“

Antara projek yang dilaksanakan melalui ibu pejabat MyCARE di Gaza ialah bantuan makanan, bantuan perubatan, bekalan air bersih, penempatan sementara, bantuan selain makanan seperti tilam, lampin dan pakaian, bantuan pendidikan, bantuan pemulihan awal serta bantuan anak yatim”

pan alu-aluan dalam majlis tersebut.

Beliau turut menyatakan keyakinan bahawa MyCARE mampu menyalurkan amanah berkenaan kepada rakyat Palestin yang memerlukan berdasarkan rekod prestasi organisasi itu sebelum ini.

Mudah-mudahan amanah besar yang dititipkan oleh para penyumbang ini dapat dilaksanakan dengan penuh integriti dan keikhlasan yang sebaik-baiknya,” katanya.

Turut hadir, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan YB Tuan Zawawi Ghazali, Pegawai Kewangan Negeri Kelantan, YB Dato’ Rosnazli Amin, Pengelola Istana Kelantan YB Brigedier Jeneral Dato’ Perwira Raja Dato’ Nik Mohd Shafriman Nik Hassan dan Ketua Polis Kelantan Dato’ Mohd Yusof Mamat.



MB Kelantan berjaya buka pintu Jakarta –Kota Bharu

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 15 Mei – Kejayaan lawatan rasmi Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud ke Indonesia membuka lembaran baharu hubungan diplomatik serantau apabila pintu penerbangan terus Kota Bharu–Jakarta berjaya dibuka.

Penerbangan tersebut bakal bermula pada 16 Jun ini dengan kekerapan empat kali seminggu, sekaligus memperkukuh jaringan antara-bangsa negeri serta merancakkan potensi ekonomi rakyat.

Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, pembukaan laluan udara tersebut memberi impak besar kepada sektor pelancongan dan dijangka merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pengembangan perdagangan, pelaburan, pendidikan, kesihatan dan hubungan rakyat antara kedua-dua wilayah.

Menurutnya, hubungan Kelantan dan Jakarta memiliki asas persaudaraan yang kukuh berteraskan persamaan agama, bangsa, bahasa serta budaya yang telah lama menjadi jambatan kebersamaan.

“Ketika merasmikan program Kelantan Day di Jakarta pagi tadi (14 Mei) saya tegaskan bahawa hubungan Kelantan–Jakarta ibarat adik-beradik yang diikat dengan banyak persamaan, antaranya agama, bangsa, bahasa dan budaya.



“Hubungan ini diharapkan tidak terikat kepada agenda diplomatik semata-mata, sebaliknya lahir daripada keikhlasan dan persaudaraan yang mendalam demi manfaat bersama,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau juga memaklumkan bahawa kesempatan berucap di hadapan penggiat industri pelancongan Indonesia dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkenalkan identiti dan kelebihan Kelantan sebagai destinasi strategik di rantau ini.

Menurutnya, antara potensi yang diketengahkan termasuk khazanah seni dan budaya, keindahan alam semula jadi, pusat pendidikan, kepelbagaian makanan tradisional serta perkhidmatan kesihatan berkualiti dengan kos kompetitif di Kota Bharu.

“Dengan kedudukan geografi yang strategik, Kelantan juga ber-

potensi menjadi pintu masuk utama dan hab transit sebelum pelancong meneroka pulau-pulau berhampiran serta wilayah Selatan Thailand,” jelasnya.

Dalam lawatan tersebut, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Wakil Menteri Luar Negeri Republik Indonesia, Arif Havas Oegroseno atas kerjasama erat dalam menjayakan agenda strategik berkenaan.

Penghargaan turut dizahirkan kepada pemain industri pelancongan Eddy Krismeidi Soemawilaga, Nuniek Noorfiani serta Farzamie Sarkawi yang banyak membantu melancarkan urusan delegasi Kerajaan Negeri Kelantan sepanjang berada di Jakarta.

Sebagai memperkenalkan identiti budaya negeri kepada masyarakat Indonesia, delegasi Kelantan turut mempersembahkan seni silat

“**Buat saudara-saudara dari Indonesia khususnya Jakarta, yok langsung terbang ke Kota Bharu. Kelantan menanti ketibaan anda semua”**

dan dikir barat secara langsung yang dibawa khas dari Kota Bharu.

Persembahan kumpulan Suara Muzium yang dipimpin juara tukang karut berjaya mencuri perhatian hadirin dan menerima sambutan positif daripada penggiat industri serta para undangan yang hadir.

Pada kesempatan itu, Menteri Besar Kelantan berbesar hati mempelawa masyarakat Indonesia, khususnya warga Jakarta, untuk berkunjung ke Kelantan bagi menikmati keunikan budaya, gastronomi serta pengalaman pelancongan yang ditawarkan negeri ini.

“Buat saudara-saudara dari Indonesia khususnya Jakarta, yok langsung terbang ke Kota Bharu. Kelantan menanti ketibaan anda semua,” ujarnya.



Pidato Prof Dr Abdul Somad himpункan ribuan umat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

TUMPAT, 17 Mei – Program Pidato Perdana Da’i Nusantara yang menampilkan pendakwah terkenal Indonesia Prof Dr Ustaz Abdul Somad menghimpunkan ribuan umat Islam dari Kelantan dan Selatan Thailand di Pantai Sri Tujuh, Pengkalan Kubor, Khamis lalu.

Program itu turut disertai pelajar sekolah pondok dan tahfiz dari wilayah Narathiwat, Patani dan Yala yang memenuhi kawasan program sejak awal petang.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, kehadiran ribuan pengunjung termasuk dari Selatan Thailand membuktikan masyarakat Islam masih dahagakan pengisian ilmu dan seruan penyatuan ummah.

Menurutnya, program tersebut dirancang dalam tempoh singkat kira-kira seminggu lalu, namun tetap mendapat sambutan luar biasa daripada masyarakat pelbagai peringkat.

“Lebih mengejutkan ramai yang datang dari Selatan Thailand bagi mengikuti pidato Da’i Nusantara Prof Dr Abdul Somad dari Batu Bara, Sumatera, Indonesia,” katanya ketika berucap pada program berkenaan.



Menurutnya, umat Islam wajib kembali merapatkan saf perjuangan dan menghentikan segala bentuk pertelingkahan yang melemahkan kekuatan ummah.

“Perbezaan pandangan tidak seharusnya dijadikan alasan untuk bermusuhan, mencaci atau berpecah-belah sesama saudara seakidah sehingga melupakan agenda besar membina izzah Islam dan mempertahankan umat.

“Musuh Islam sentiasa berusaha melemahkan umat, namun keadaan menjadi lebih membimbangkan apabila umat Islam sendiri terperangkap dalam budaya saling menyerang, membuka aib dan menimbulkan perpecahan hanya disebabkan perkara kecil yang tidak membawa manfaat kepada perjuangan Islam,” jelasnya.

Beliau menegaskan, kekuatan sebenar umat terletak pada kesatuan hati, kesatuan fikrah dan kesatuan saff yang dibina atas dasar aqidah dan perjuangan.

Menurutnya lagi, sejarah tamadun Islam membuktikan banyak kerajaan Islam runtuh bukan disebabkan kelemahan bilangan, sebaliknya akibat perpecahan dalaman, perebutan kuasa, hilangnya ukhuwah dan luntarnya semangat perjuangan.

“Ketika umat Islam bersatu atas dasar aqidah dan perjuangan, mereka dihormati dan memimpin dunia. Namun apabila penyakit al-wahan meresap ke dalam jiwa iaitu cintakan dunia dan takut mati, umat menjadi lemah dan mudah dipermainkan musuh,” katanya.

Beliau turut menyeru gerakan Is-

“**Lebih mengejutkan ramai yang datang dari Selatan Thailand bagi mengikuti pidato Da’i Nusantara Prof Dr Abdul Somad dari Batu Bara, Sumatera, Indonesia”**

lam dan seluruh umat agar kembali membina kesatuan, memperkukuhkan thiqah serta menghidupkan ruh tarbiah dalam perjuangan.

Tambahnya, titik perbezaan tidak wajar diperbesar sehingga melupakan persamaan yang jauh lebih besar demi memartabatkan Islam dan menyatukan kekuatan ummah.

Dato’ Mohamed Fadzli turut merakamkan penghargaan kepada Prof Dr Abdul Somad atas taujih dan tausiyah yang disampaikan sepanjang program tersebut.

Beliau berharap segala nasihat dan peringatan yang disampaikan menjadi asbab kepada kebangkitan kesedaran, penyatuan saff dan pengukuhan ukhuwah Islamiyyah dalam kalangan umat Islam seluruhnya.



Curahan ilmu memuliakan guru – YB Mohd Asri

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Mei – Peranan guru dalam mencurahkan ilmu kepada pelajar menjadi antara amalan yang memuliakan seseorang pendidik serta memberi ganjaran pahala berterusan di sisi Allah SWT.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Komunikasi YB Mohd Asri Mat Daud berkata kemuliaan seorang guru adalah berdasarkan ilmu yang diajarkan kepada anak didik mereka.

Beliau berkata, perkara itu bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Apabila manusia meninggal dunia terputuslah pahala amalannya kecuali daripada tiga sumber: sedekah yang berterusan faedahnya, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang berdoa kepadanya.”

Katanya, seorang guru yang mengajar ilmu walaupun asas pembelajaran seperti mengenal huruf dan membaca tetap memperoleh pahala jariah apabila ilmu itu dimanfaatkan oleh pelajar sepanjang kehidupan mereka.

“Begitu juga dengan ajaran



akhlak yang membentuk personaliti pelajar yang baik akan menjadi pengimbang kepada kestabilan masyarakat.

“Menghilangkan kejahilan pada seseorang adalah tugas yang sangat dimuliakan dan akan membentuk ketamadunan masyarakat yang be-

rasakan ilmu,” katanya di media sosial pada Sabtu, sempena sambutan Hari Guru 2026.

Menurutnya, guru juga berperanan menjulang adab dalam kalangan pelajar selain mewujudkan masyarakat berilmu yang mampu mengurus pelbagai lapangan ke-

hidupan termasuk ekonomi, politik dan pentadbiran negara.

Katanya lagi, masyarakat, negara dan negeri yang diurus berasaskan ilmu akan lebih dihormati dan mampu membangun dengan pesat.

Dalam pada itu, beliau berkata, dunia pendidikan turut berdepan cabaran media sosial yang dipenuhi lambakan maklumat sukar dipastikan kesahihannya.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat agar berpegang kepada prinsip yang diajarkan guru iaitu hanya mengulas, berkongsi atau menyokong perkara yang benar-benar pasti dan berasaskan ilmu.

“Jika tidak pasti jangan kongsi dan diam adalah lebih baik demi menjaga keharmonian masyarakat,” pesannya.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Guru kepada seluruh pendidik dan menyifatkan Rasulullah SAW sebagai Guru Agung yang mewariskan ilmu kepada umat manusia sebelum diteruskan perjuangannya oleh para guru.

“Pendidik Rabbani Malaysia Sejahtera,” katanya.

Kadar hipertensi Kelantan 27.9 peratus, lebih rendah berbanding nasional

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 Mei — Kadar penghidap hipertensi atau tekanan darah tinggi di Kelantan direkodkan sekitar 27.9 peratus, iaitu 1.3 peratus lebih rendah berbanding kadar nasional sebanyak 29.2 peratus, namun masih memerlukan perhatian serius berikutan risiko komplikasi kesihatan yang boleh mengancam nyawa.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS), hampir 29.2 peratus rakyat dewasa di negara ini menghidap hipertensi melibatkan lebih enam juta penduduk.

Menurutnya, meskipun kadar di Kelantan lebih rendah berbanding purata nasional, ancaman penyakit tersebut tidak boleh dipandang ringan kerana hipertensi sering berla-

ku tanpa gejala jelas.

“Hipertensi dikenali sebagai pembunuh senyap kerana ramai pesakit tidak menyedari mereka menghidapinya sehingga berlaku komplikasi seperti strok, serangan jantung, kegagalan buah pinggang dan penyakit jantung,” katanya menerusi media sosial sempena Sambutan Hari Hipertensi Sedunia 2026, semalam.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat agar meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemeriksaan tekanan darah secara berkala selain mengamalkan gaya hidup sihat sebagai langkah pencegahan awal.

Beliau turut menyarankan orang ramai mengurangkan pengambilan garam dan gula, mengamalkan pemakanan seimbang, kekal aktif bersenam, berhenti merokok serta menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala.

“Ukur Tekanan Darah Anda,



Lindungi Nyawa Anda,” katan-

ya. Untuk rekod, Sambutan Hari Hipertensi Sedunia diraikan setiap tahun bagi meningkatkan

kesedaran masyarakat mengenai bahaya tekanan darah tinggi serta kepentingan pengesanan awal dalam mengurangkan risiko komplikasi kesihatan serius.

Pendidikan dan pembentukan sahsiah pelajar diperkasa seiring perkembangan semasa

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 17 Mei – Pendidikan dan pembentukan sahsiah pelajar perlu terus diperkasa seiring perkembangan semasa bagi melahirkan generasi yang cemerlang dalam akademik serta tarbiah Islam.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato Wan Roslan Wan Hamat berkata, usaha tersebut memerlukan kerjasama berterusan antara pihak pentadbir sekolah dan kerajaan negeri dalam memastikan agenda pendidikan Islam di Kelantan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan sesi pertemuan bersama pentadbir Maahad Muhammadiyah Perempuan (MMP) yang berlangsung di bilik mesyuarat sekolah berkenaan, hari ini.



Menurutnya pertemuan tersebut menjadi ruang perbincangan serta perkongsian pandangan berkaitan pelbagai isu melibatkan pengurusan dan pembangunan sekolah

“Antara perkara yang dibincangkan melibatkan isu pengurusan dan pembangunan sekolah, termasuk hal ehwal pelajar, kebajikan warga sekolah, kemudahan pendidikan serta beberapa perkara lain berkaitan usaha memperkukuh

kecemerlangan institusi pendidikan Islam di Negeri Kelantan” katanya di laman rasmi.

Tambahnya, segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan diharap dapat membantu memperkasakan lagi sistem pendidikan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

“Semoga segala perbincangan dan pandangan yang dikemukakan dapat membantu memperkasakan lagi sistem pendidikan YIK demi



melahirkan generasi pelajar yang cemerlang dalam akademik, sahsiah dan tarbiah Islam,” ujarnya.

Dalam pada itu, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim turut hadir menyampaikan hadiah sempena sambutan Hari Guru sebagai tanda penghargaan kepada warga pendidik atas jasa dan pengorbanan mereka dalam mendidik anak bangsa.

Kelantan hab transit strategik tiga negara



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 15 Mei – Kelantan berpotensi muncul sebagai hab transit strategik yang menghubungkan Malaysia, Thailand dan Indonesia susulan pelancaran penerbangan terus Kota Bharu–Jakarta mulai 16 Jun, sekali gus mengukuhkan kedudukan negeri ini sebagai pintu masuk baharu serantau.

Wakil Menteri Luar Negeri Republik Indonesia Arif Havas Oegroseno menyifatkan laluan udara berkenaan mampu menjadi pemangkin kepada perhubungan rentas negara yang lebih dinamik, khususnya melibatkan pergerakan

pelancong, pelabur dan komuniti perniagaan antara Malaysia, Thailand Selatan dan Indonesia.

Menurut laporan portal berita Indonesia Rmol.id semalam, beliau berkata kedudukan geografi Kelantan yang bersempadan dengan Thailand Selatan menjadikan negeri ini sangat berpotensi berkembang sebagai pusat transit serantau yang baharu.

Katanya, penerbangan langsung Kelantan–Jakarta diyakini mampu mengubah landskap hubungan ekonomi dan pelancongan di rantau ini apabila Kelantan berperanan sebagai gerbang strategik yang menghubungkan pergerakan masyarakat tiga negara.



“Kelantan berpotensi menjadi pusat regional di bahagian Thailand dan Malaysia, sekali gus menjadi magnet kepada masyarakat di wilayah berkenaan untuk ke Jakarta dan sebaliknya.

“Saya percaya inisiatif ini mempunyai makna strategik yang sangat besar pada masa depan,” katanya ketika menghadiri program Kelantan Day di Hotel Four Points by Sheraton, pada Khamis.

Program tersebut dihadiri delegasi Kerajaan Negeri Kelantan diketuai Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

Havas turut berpandangan bahawa penerbangan terus Kota

Bharu–Jakarta bakal mempercepat pertumbuhan sektor pelancongan, memperkukuh industri halal, meningkatkan pelaburan rentas sempadan serta mempererat hubungan masyarakat antara negara jiran.

Menurutnya lagi, sekiranya laluan awal itu menunjukkan perkembangan positif, potensi peluasan penerbangan ke destinasi lain di Indonesia seperti Surabaya dan Bali turut boleh dipertimbangkan.

“Semoga hubungan perniagaan antara Indonesia dan Malaysia, khususnya Kelantan dan pelbagai wilayah di Indonesia akan terus diperkukuh,” katanya.

Untuk rekod, perkhidmatan penerbangan terus Kota Bharu–Jakarta dijadualkan beroperasi empat kali seminggu iaitu setiap Selasa, Khamis, Sabtu dan Ahad menggunakan pesawat Airbus A320 kendalian AirAsia.

Laluan strategik itu bakal menghubungkan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, Jakarta, sekali gus membuka dimensi baharu hubungan ekonomi, pelancongan dan mobiliti rakyat antara tiga negara serantau.

UEC tidak diiktiraf untuk kemasukan program Asasi KIAS - Exco Pengajian Tinggi

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Mei - Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan bahawa Unified Examination Certificate (UEC) tidak termasuk dalam syarat kelayakan akademik yang diiktiraf bagi kemasukan ke program Asasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata sehingga kini kelayakan UEC tidak termasuk dalam syarat kemasukan yang diiktiraf bagi program berkenaan.

Beliau menegaskan bahawa berdasarkan syarat kemasukan yang dipaparkan oleh pihak KIAS, program asasi terbuka kepada calon yang memiliki kelayakan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan lain yang setaraf serta diiktiraf.

"Sehubungan itu, calon yang hanya memiliki kelayakan UEC



adalah tidak layak dipertimbangkan bagi kemasukan ke program Asasi KIAS.

"Sebarang perubahan dasar atau syarat kemasukan akan dimaklumkan melalui saluran rasmi kolej universiti dari semasa ke semasa," jelasnya dalam kenyataan media, hari ini.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya merujuk laman rasmi KIAS atau menghubungi Unit Kemasukan Pelajar KIAS untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung syarat kemasukan program Asasi institusi berkenaan.

Sementara itu, Rektor KIAS

Profesor Dr Mazlan Ibrahim turut menegaskan bahawa KIAS tidak pernah mengiktiraf UEC utk kemasukan pelajar.

Katanya, poster-poster promosi program asasi hanya menggunakan SPM dengan keputusan lima kepujian sahaja.

Tambahnya, berdasarkan surat perakuan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), KIAS hanya menyatakan kelayakan masuk sebagaimana berikut;

I. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya lima kepuji-

an dalam lima mata pelajaran ; ATAU

ii. Lulus O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam lima mata pelajaran ; ATAU

iii. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

"Oleh itu, sejak dari awal hingga sekarang, tidak pernah dimasukkan syarat lulus UEC dalam mana-mana dokumen sebaran untuk kemasukan pelajar ke program Asasi KIAS," katanya.

Pengurusan sisa pepejal berteknologi antara fokus baharu di Gua Musang



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Mei - Pendekatan pengurusan sisa pepejal berasaskan teknologi kini menjadi antara fokus baharu yang sedang dipertimbangkan di Gua Musang bagi meningkatkan kecekapan operasi pelupusan sampah serta menjamin kelestarian alam sekitar.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam

Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) kini sedang menilai beberapa cadangan menaik taraf sistem pengurusan di Tapak Pelupusan Sampah Kampung Kundur dengan kerjasama Kelantan Utiliti Mubarakan (KUM) dan pihak swasta.

Menurutnya, penggunaan teknologi moden dalam pengurusan sisa pepejal penting bagi memastikan operasi pelupusan dapat dilak-

sanakan secara lebih sistematik dan efisien selaras dengan peningkatan jumlah sisa pepejal di jajahan berkenaan.

"Anggaran sisa pepejal yang dihasilkan di seluruh Jajahan Gua Musang mencecah sekitar 100 tan sehari bersamaan antara 2,100 hingga 2,800 tan sebulan.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, lebih 117,000 tan sampah telah diuruskan dan sebahagian besar daripadanya dihantar

ke tapak pelupusan Kampung Kundur," katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau berkata, tapak pelupusan Kampung Kundur kini menjadi lokasi utama pengurusan sisa pepejal bagi seluruh Jajahan Gua Musang selepas tapak pelupusan utama MDGM di Batu 5, Renok ditutup bagi memberi laluan kepada pembinaan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU).

Katanya, selain menerima buangan domestik dari kawasan bandar Gua Musang, tapak tersebut turut menampung sisa pepejal dari kawasan lain termasuk Bertam dan Lojing.

Beliau usaha menaik taraf sistem pengurusan sisa pepejal itu diharap mampu membantu meningkatkan mutu perkhidmatan kebersihan, mengurangkan impak terhadap alam sekitar serta memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah di kawasan berkenaan.

RM3.9 juta dividen Ladang Rakyat diagih kepada 4,919 peserta

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Mei - Kerajaan Kelantan melalui Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRKN) memperuntukkan sebanyak RM3.935 juta bagi pembayaran dividen peserta Ladang Rakyat untuk tempoh Januari hingga April 2026.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, berkata pembayaran itu membabitkan 4,919 peserta termasuk 271 peserta orang asli.

Beliau berkata, tiada tunggakan pembayaran dividen bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini.

"Pembayaran dividen ini mencerminkan kejayaan hasil usaha dan kerja bersungguh-sungguh dalam menunaikan amanah besar khususnya mengembalikan semula manfaat kepada peserta Ladang Rakyat.

"Ini bukti nyata kerajaan negeri sentiasa berpegang kepada prinsip amanah, keadilan dan keber-tanggungjawaban dalam mentadbir amanah rakyat," jelasnya ketika



berucap pada Majlis Penyerahan Cek Cura dan Slip Dividen Peserta Ladang Rakyat Peringkat Ke-70 di Wisma PPLRKN, Tunjong, di sini, hari ini.

Menurutnya lagi, sehingga kini jumlah dividen bulanan yang diagihkan kepada peserta sejak penubuhan PPLRKN pada 2006 mencecah RM208.671 juta.

Tambahnya, pencapaian itu membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan semua kelompok rakyat menikmati manfaat pembangunan.

"Sebanyak 47 Tabung Tindakan Kebajikan Peserta Ladang Rakyat turut diwujudkan bagi menjaga kebajikan peserta.

"Bagi tahun ini, agihan manfaat takaful hayat kepada lapan wasi peserta Ladang Rakyat berjumlah RM32,000," ujarnya.

Beliau memaklumkan bahawa keseluruhan agihan manfaat takaful hayat setakat ini berjumlah RM3.138 juta membabitkan 332 wasi peserta Ladang Rakyat yang meninggal dunia.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan bahawa tanah yang diamanahkan kepada PPLR berjumlah kira-kira 77,000 ekar di seluruh Kelantan dan diuruskan dengan baik sehingga mampu memberikan dividen RM200 sebulan kepada peserta yang layak secara berterusan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Fazi-harudean Al-Haj Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan YB Tuan Zawawi Ghazali, Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Dewan Negeri (ADN).

Diiringi, Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan Dato' Nik Raisnan Daud dan Ketua Pegawai Eksekutif PPLRKN Dr Mohamad Arpi Arifin.

Pemilik ternakan diminta kawal haiwan elak risiko kemalangan musim perayaan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 19 Mei - Pemilik ternakan di negeri ini diminta memastikan haiwan peliharaan mereka tidak dibiarkan berkeliaran bagi mengelakkan risiko kemalangan jalan raya, khususnya menjelang musim cuti perayaan yang bakal menyaksikan peningkatan jumlah kenderaan pulang ke kampung.

Exco Kerajaan Tempatan, Pe-

rumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, langkah itu penting demi menjamin keselamatan pengguna jalan raya serta mengelakkan kejadian tidak diingini melibatkan haiwan ternakan merayau.

Beliau berkata demikian selepas meninjau kandang lembu milik Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) pada Ahad lalu.

Menurutnya, sebanyak 11 ekor lembu berjaya ditangkap oleh pi-

hak penguatkuasa menerusi Operasi Haiwan Merayau dalam kawasan operasi MDGM.

Tangkapan itu ditempatkan sementara di kandang berkenaan sementara menunggu tamat tempoh Notis Tuntutan di bawah Seksyen 4(1) Undang-Undang Kecil (UUK) Haiwan Merayau Majlis Daerah Gua Musang.

"Insya Allah selepas tamat tempoh tersebut, pihak MDGM akan melaksanakan lelongan awam

sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 5 Undang-Undang Kecil (UUK) berkaitan atau tindakan pelupusan oleh Yang Dipertua MDGM," katanya menerusi laman rasmi, pada Isnin.

Beliau turut memohon kerjasama semua pemilik lembu dan kerbau supaya lebih bertanggungjawab dalam menjaga ternakan masing-masing daripada merayau di sekitar jalan raya dan tempat awam.

Katanya, keadaan itu boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya terutama perantau yang mula pulang berhari raya bermula minggu depan.

Tambahnya, operasi penguatkuasaan seperti itu akan terus dipergiat dari semasa ke semasa sebagai langkah pencegahan serta memastikan ketenteraman dan keselamatan awam sentiasa terpelihara.

Ilmu kekeluargaan harus dikuasai ibu bapa - Exco Pembangunan Keluarga

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Mei – Ilmu kekeluargaan dan keibubapaan perlu dikuasai secara bersama oleh ibu bapa bagi mewujudkan institusi keluarga yang seimbang serta harmoni.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, penglibatan bapa dalam program berkaitan keibubapaan dan pembangunan keluarga amat penting kerana tanggungjawab mendidik anak bukan hanya dipikul oleh ibu semata-mata.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Komunikasi Kreatif: Smart Parenting 2026 yang melibatkan 91 peserta di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

"Ilmu parenting ini harus dikuasai oleh dua-dua pihak, lelaki dan perempuan, suami dan isteri, ayah dan ibu. Barulah orang panggilan seimbang dan segala masalah dalam keluarga boleh diselesaikan bersama.

"Kalau hanya seorang sahaja hadir kursus, ilmu yang diperoleh



itu perlu dikongsi dengan pasangan di rumah supaya manfaatnya dapat dirasakan bersama," jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa ibu bapa tidak pernah menjadi manusia yang sempurna, namun perlu sentiasa belajar dan berusaha untuk menjadi pasangan serta ibu bapa terbaik kepada anak-anak.

"Kita kena sentiasa belajar dan mencari ilmu untuk memperbaiki diri. Yang penting kita ada target untuk jadi suami isteri yang terbaik dan ibu bapa yang terbaik kepada anak-anak," ujarinya.

Tambahnya, program seperti itu merupakan antara usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam membentuk keluarga Sakinah, Mawaddah Wa rahmah walaupun dilaksana-

kan dalam skala kecil.

"Walaupun hari ini hanya melibatkan 91 peserta, tetapi ini satu permulaan yang baik untuk mewujudkan suasana keluarga yang lebih harmoni dalam masyarakat," katanya.

Dalam pada itu, Dato' Rohani turut mengingatkan para ibu bapa supaya sentiasa mendidik anak-anak dengan doa, kasih sayang dan pendekatan berhikmah.

"Allah SWT mengurniakan anak sebagai amanah yang besar. Kita perlu sentiasa berdoa agar dikurniakan zuriat soleh dan solehah serta jangan sesekali menganggap anak sebagai beban kehidupan," katanya.

Beliau juga berkongsi beberapa

ciri ibu bapa "smart" antaranya saling mendengar dan menghormati antara suami isteri, menegur dengan hikmah, menjadi rakan kepada anak-anak remaja serta sentiasa mendidik anak agar menjaga solat dan membaca al-Quran.

Program anjuran Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKeKWa) itu turut menampilkan Slot Komunikasi Kreatif Keluarga Bahagia yang dikendalikan Pakar Perunding Psikiatri Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) Prof Madya Dr Asrenee Ab Razak selain slot Permasalahan Remaja dan Penyelesaian oleh Pengarah Urusan BTOP Wellness Sdn Bhd Rudie Ya'akub.

150 pelajar IPTA/IPTS di Limbongan terima sumbangan kerajaan negeri



Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 20 Mei — Sebanyak 150 pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menerima sumbangan one-off Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Sumbangan One-Off IPTA/IPTS Siri 1 Tahun 2026.

Ahli Dewan Negeri (ADN)

Limbongan YB Nor Asilah Mohamed Zin berkata, bantuan tersebut merupakan antara usaha kerajaan negeri dalam membantu meringankan beban pelajar dan keluarga khususnya bagi menghadapi kos awal pengajian.

Menurutnya, pendidikan merupakan aspek penting dalam melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran yang mampu

menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta negeri pada masa hadapan.

"Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA dan IPTS.

"Semoga sumbangan ini dapat membantu dan menjadi pembakar semangat kepada para pelajar untuk terus berjaya dalam bidang

pengajian masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Sumbangan Sekali Beri IPTA/IPTS Siri 1 Tahun 2026 di Dewan Tok Guru, Pusat Khidmat DUN Limbongan, semalam.

Menurut YB Nor Asilah, penyampaian bantuan tersebut akan diteruskan secara berperingkat bagi memastikan lebih ramai pelajar yang layak menerima manfaat daripada inisiatif kerajaan negeri itu.

Jelasnya, sokongan berterusan terhadap bidang pendidikan amat penting dalam memastikan anak-anak Kelantan terus mendapat peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas sumbangan dan perhatian yang diberikan kepada golongan pelajar di negeri ini.

“Guru Bitara, Nadi Negara” tepat gambar peranan, pengorbanan warga pendidik – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Mei — Tema sambutan Hari Guru 2026, “Guru Bitara, Nadi Negara” disifatkan amat bertepatan dalam menggambarkan peranan besar serta pengorbanan warga pendidik dalam membentuk generasi masa depan negara.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, guru memainkan peranan penting bukan sahaja dalam menyampaikan ilmu, malah mendidik, membimbing serta membentuk sahsiah anak bangsa yang akan mencorakkan masa depan negara.

Menurutnya, di sebalik kejayaan setiap individu, terselit pengorbanan seorang guru yang tidak pernah jemu mencurahkan ilmu, masa dan tenaga dengan penuh keikhlasan.

“Tema sambutan Hari Guru 2026 iaitu ‘Guru Bitara, Nadi Negara’ amat bertepatan dalam menggambarkan besarnya jasa para pendidik dalam membina masyarakat yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing.



“Pengorbanan mereka bukan sahaja melahirkan pelajar cemerlang, malah membentuk insan yang mampu memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara,” katanya menerusi laman rasmi beliau pada Sabtu sempena sambutan Hari Guru 2026.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada seluruh warga pendidik atas dedikasi dan pengorbanan yang disifatkan tidak ternilai dalam memartabatkan pendidikan negara.

“Semoga setiap ilmu yang disampaikan menjadi amal jariah yang berpanjangan dan dikurnia-

kan keberkatan oleh Allah SWT,” katanya.

Sementara itu, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat menyifatkan warga pendidik sebagai obor ilmu dan pembina akhlak ummah yang memainkan peranan besar dalam membangunkan modal insan berkualiti.

Katanya, jasa guru amat besar kerana mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu, malah membentuk peribadi, menyemai adab serta melahirkan generasi yang beriman, berilmu dan berbakti kepada aga-



ma, bangsa dan negara.

“Terima kasih cikgu atas segala pengorbanan, kesabaran dan keikhlasan mendidik anak-anak bangsa.

“Semoga seluruh warga pendidik terus dikurniakan kekuatan, kesihatan serta keberkatan dalam meneruskan amanah yang mulia ini,” katanya.

Beliau turut mengulangi tema “Guru Bitara, Nadi Negara” serta slogan “Pendidik Rabbani Malaysia Sejahtera” sebagai simbol penghargaan kepada seluruh warga pendidik sempena sambutan Hari Guru 2026.

Jalan Lojing–Cameron Highlands dijangka dibuka semula 21 Mei



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Mei - Jalan Persekutuan FT185 di Pos Blau, Lojing yang terputus akibat runtuh pada awal tahun ini dijangka dibuka semula kepada pengguna seawal 21 Mei ini menerusi pembinaan laluan lencongan sementara yang kini hampir siap.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air

dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr Izani Husin di media sosial, hari ini.

Katanya, pembukaan semula laluan itu amat penting dalam memulihkan hubungan pengangkutan selain merencanakan kembali sektor ekonomi antara negeri, khususnya membabitkan sektor pertanian, pelancongan dan logistik.

“Pembukaan laluan ini sudah



tentu amat penting dalam memulihkan hubungan pengangkutan serta merencanakan kembali sektor ekonomi antara Kelantan, Pahang dan Perak, khususnya melibatkan sektor pertanian, pelancongan dan logistik,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan, kerajaan negeri akan terus berusaha bagi memastikan isu berkenaan dapat ditangani dengan sebaikn-

ya.

Dato’ Dr Izani juga merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Menteri Kerja Raya atas keprihatinan serta kerjasama erat dalam menangani masalah itu.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan semua pengguna jalan raya supaya sentiasa berhati-hati ketika melalui laluan berkenaan kerana laluan berkenaan hanya jalan sementara.

“Sentiasalah berwaspada, patuhi arahan keselamatan dan pandulah dengan cermat demi keselamatan bersama,” pesannya.

Untuk rekod, Dato’ Dr Izani mengadakan lawatan bersama Menteri Kerja Raya YB Datuk Alexander Nanta Linggi ke lokasi kejadian bagi meninjau keadaan jalan terbabit, pada 2 Februari lalu.

Laluan LTU dijangka sesak menjelang Aidiladha, perantau dinasihat rancang perjalanan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 19 Mei – Laluan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU) dijangka mengalami peningkatan ketara aliran trafik menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha susulan kemasukan serentak kenderaan dari Lembah Klang, Pahang dan negeri-negeri selatan ke Kelantan melalui Gua Musang.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pengguna jalan raya khususnya anak perantau dinasihatkan merancang perjalanan lebih awal dan mengelakkan waktu puncak bagi membantu mengurangkan kesesakan di laluan utama FT8 dan LTU.

Menurutnya, situasi itu dijangka berlaku berikutan cuti penggal persekolahan bermula 22 Mei hingga 7 Jun selain sambutan Aidiladha pada 27 Mei ini yang dijangka menyebabkan pertambahan mendadak jumlah kenderaan memasuki Kelantan.

Katanya lagi, LTU yang masih dalam pembinaan ketika ini turut



melibatkan beberapa lencongan laluan sekali gus berpotensi menjadi “funnel point” atau lokasi tumpuan trafik utama sebelum memasuki negeri ini.

“Bagi menghadapi situasi ini, satu Mesyuarat Koordinasi Pengurusan Kesesakan Lalulintas Sempena Aidiladha telah diadakan pada 17 Mei bersama PDRM, JPJ, JKR, CSR, Majlis Daerah Gua Musang serta agensi berkaitan untuk membuat perancangan awal dan langkah mitigasi.

“Mesyuarat ini turut mengambil kira pengalaman pengurusan trafik semasa musim Aidilfitri lalu bagi memastikan penyuraian trafik dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan,” katanya di laman rasmi, pada Ahad.

Beliau menyeru pengguna jalan raya agar memulakan perjalanan selepas tengah malam atau awal pagi sebelum Subuh bagi mengelakkan kesesakan di Kampung Mentara yang menjadi pintu masuk utama ke Gua Musang.

Selain itu katanya, pengguna juga boleh memilih laluan alternatif lain ke Kelantan seperti Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2), Lebuhraya Timur-Barat serta laluan Lojing Highlands bagi mengurangkan tekanan trafik di FT8 dan LTU.

Dalam pada itu, YB Hilmi Abdullah turut menggalakkan perantau menggunakan laluan Gua Musang-Dabong-Jeli bagi mengelakkan trafik luar bercampur dengan trafik bandar yang boleh menyebabkan kesesakan lebih seri-

us di pusat bandar Gua Musang.

“Kenderaan tempatan juga disarankan mengurangkan pergerakan antara pukul 12 tengah hari hingga 5 petang bagi membantu melancarkan aliran trafik sepanjang tempoh kemuncak kemasukan perantau,” jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi yang terlibat atas kerjasama dan komitmen dalam memastikan pengurusan trafik sempena musim perayaan dapat dilaksanakan dengan baik.

“Semoga perjalanan anak-anak perantau yang pulang ke kampung halaman dipermudahkan dan semua pengguna jalan raya sentiasa memandu dengan berhemah serta bersabar sepanjang perjalanan,” ujarnya.

Sumbangan katil wakaf permudah urusan remaja patah kaki



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 19 Mei — Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor menyerahkan sumbangan katil wakaf kepada seorang remaja yang mengalami kecederaan patah tulang kaki kanan ketika perlawanan bola sepak di Sekolah Kebangsaan (SK) Pangkal Mak Wan pada minggu lalu.

Sumbangan tersebut disampaikan kepada Muhammad Aiman

Akimi Mahadi, 16, dalam kunjungan ziarah di kediamannya di Kampung Belukar, di sini, pada 16 Mei lalu.

YB Ahmad Zakhran berkata, bantuan berkenaan diharap dapat memudahkan urusan penjagaan dan pengurusan harian remaja terabit sepanjang tempoh rawatan serta pemulihan.

Menurutnya, keperluan kemudahan seperti katil wakaf amat membantu terutama kepada keluar-

ga yang sedang menguruskan ahli keluarga yang mengalami masalah kesihatan atau kecederaan.

“Semoga dengan adanya katil ini dapat memudahkan lagi ibu bapanya menjaga dan menguruskan keperluan Adik Aiman Akimi dalam menjalani rutin harian.

“Saya juga mendoakan agar beliau diberikan kesembuhan segera oleh Allah SWT dan dapat kembali bersekolah seperti sediakala,” katanya.

Menurutnya, sikap prihatin

terhadap masyarakat khususnya golongan yang sedang diuji perlu terus diperkukuhkan bagi memastikan kebajikan rakyat sentiasa diberi perhatian.

Tambahnya, ziarah kebajikan seperti itu dapat memberi sokongan moral kepada keluarga yang sedang berdepan ujian kesihatan.

Beliau turut berharap Muhammad Aiman Akimi diberi kekuatan dan dipermudahkan segala urusan sepanjang proses pemulihan dijalaninya.



Mantapkan urusan kewangan agenda utama PPLRNK

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Mei - Pihak pengurusan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRNK) kini sedang merangka pelan strategik organisasi yang lebih menyeluruh termasuk memantapkan urusan kewangan sebagai agenda utama organisasi.

Ketua Pegawai Eksekutif PPLRNK Dr Mohamad Arpi Arifin, berkata pihaknya sedang memperkemas kawalan kewangan, memperbaiki struktur aliran tunai, mengurangkan liabiliti yang membebaskan serta memastikan setiap perbelanjaan pelaburan dibuat secara lebih berhemah, telus dan memberi pulangan optimum kepada organisasi serta rakyat.

Katanya, langkah itu penting bagi memastikan PPLRNK bukan sahaja mampu meneruskan pembayaran dividen kepada rakyat, malah dapat membina kekuatan kewangan yang lebih mampan pada masa depan.



“Langkah ini penting bagi memastikan PPLRNK bukan sahaja mampu meneruskan pembayaran dividen kepada rakyat malah dapat membina kekuatan kewangan yang lebih mampan pada masa akan datang.”

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Cek Cura dan Slip Dividen Peserta Ladang Rakyat Peringkat Ke-70 di Wisma PPLRNK, Tunjong, di sini, semalam.

Dr Mohamad Arpi berkata, PPLRNK turut memberi fokus kepada aspek pengukuhan tadbir urus, peningkatan prestasi opera-

si ladang, pembangunan sumber pendapatan baharu serta mengoptimumkan aset tanah dalam memperkasakan model perniagaan yang lebih berdaya tahan.

Menurutnya, PPLRNK menyedari cabaran industri perladangan kini semakin kompleks berikutan ketidakpastian ekonomi global, turun naik harga komoditi serta peningkatan kos operasi.

Katanya, sokongan ahli-ahli perbadanan, semangat kerja berpasukan, disiplin tinggi warga PPLRNK serta sokongan semua pihak mampu membawa organisasi itu ke tahap lebih baik.



“Kejayaan hari ini adalah hasil usaha sama daripada ahli-ahli Lembaga PPLRNK, pihak pengurusan, rakan strategik serta sokongan berterusan Kerajaan Negeri Kelantan yang sentiasa komited memastikan agenda pembangunan ekonomi rakyat dapat terus diperkasakan,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan pihak pengurusan PPLRNK akan terus berusaha membina sebuah organisasi yang bukan sahaja berjaya dari sudut kewangan, malah diyakini, dihormati dan mampu memberi manfaat berterusan kepada rakyat di Kelantan.

TNB Kelantan sumbang lampu solar di Tanah Perkuburan Kemboja Kampung Paloh



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 20 Mei — Inisiatif pemasangan lampu solar hasil sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan di Tanah Perkuburan Islam Kubur Kemboja Kampung Paloh dijangka meningkatkan keselesaan pengunjung serta memperkukuh pengurusan kawasan perkuburan itu secara lebih sistematik.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman berkata, usaha tersebut mencerminkan komitmen pelbagai pihak dalam memastikan tanah perkuburan sentiasa berada dalam keadaan terurus dan selamat untuk kegunaan masyarakat.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Replika Cek Sumbangan Lampu Solar untuk Tanah Perkuburan Islam Kubur Kemboja Kampung Paloh, di sini, semalam.

Sumbangan berkenaan disalurkan oleh TNB Kelantan yang diwakili Pengurus Hal Ehwal Berkepentingan Roshazhar Arifin.

Menurut YB Shaari, pengurusan tanah perkuburan yang tersusun amat penting khususnya di kawasan bandar berikutan ruang perkuburan yang semakin terhad akibat pertambahan penduduk.

“Tanah perkuburan di kawasan bandar dilihat semakin terhad berikutan berlaku pertambahan pen-



uduk.

“Oleh itu, tanah perkuburan juga memerlukan pengurusan dan penyusunan semula yang lebih baik serta tidak wajar sesuatu kawasan dibiarkan menjadi milik keluarga tertentu sahaja,” katanya.

Menurutnya, kawasan tanah perkuburan tersebut sebelum ini berada dalam keadaan kurang terurus dan dipenuhi semak-samun sebelum pelbagai usaha penambahbaikan dilaksanakan oleh pihak pengurusan.

Beliau juga memaklumkan, Pusat Khidmat DUN (PKD) sentiasa bersedia memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam membantu masyarakat termasuk meli-

batkan aspek kebajikan rakyat dan kemudahan awam.

Beliau berharap kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi korporat bagi memastikan pembangunan komuniti dapat dilaksanakan secara berterusan.

Sementara itu, Roshazhar pula memaklumkan, pemasangan lampu solar tersebut merupakan sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TNB Kelantan.

Menurutnya, program berkenaan dilaksanakan hasil kutipan bayaran bil pengguna yang disalurkan kepada majlis agama sebelum dikembalikan semula kepada TNB untuk manfaat masyarakat.

Tambahnya, Persatuan Pekerja Islam TNB turut komited membantu masyarakat menerusi pelbagai bentuk sumbangan termasuk barangan keperluan, penganjuran program dan khidmat sosial.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Kubur Kemboja Kampung Paloh Mohd Azman Abdullah.

PKPNK pelihara 55 induk betina Charolais untuk pembiakbakaan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Mei – Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) menternak 55 ekor induk betina baka Charolais untuk pembiakbakaan.

Usaha itu dilaksanakan bagi menghasilkan baka berkualiti tinggi yang mempunyai kadar pertumbuhan lebih cepat serta potensi pengeluaran daging lebih baik.

Sehubungan itu, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail berkata, langkah tersebut membuktikan komitmen PKPNK dalam memperkukuh industri penternakan negeri sekali gus meningkatkan bekalan daging tempatan serta menyokong agenda keterjaminan makanan rakyat Kelantan.

Dalam masa sama katanya,



sebanyak 50 ekor lembu baka Kedah-Kelantan (KK) turut disediakan khusus sebagai bekalan daging tempatan bagi memenuhi permintaan sempena ibadah korban Aidiladha yang bakal menjelma dan tempahan telah mula dibuka.

“Ternakan lembu Charolais betina ini dipelihara untuk menghasilkan baka berkualiti tinggi yang mempunyai kadar pertumbuhan lebih cepat serta potensi pengeluar-

an daging lebih baik,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Tambahnya, lembu-lembu jantan yang sudah cukup umur telah ditempah dan ada yang sudah diambil oleh pelbagai pihak seperti pihak masjid dan orang perseorangan untuk dibuat korban.

Beliau berharap pusat penternakan ini boleh berkembang sebagai pusat membekal lembu hibrid dan sumber daging serta pusat pembia-

kan lembu hibrid di Kelantan.

Terdahulu beliau mengadakan lawatan ke Projek Penternakan Lembu Hibrid Charolais dan Lembu Kedah-Kelantan di Rong Chenok Agro Valley.

Lawatan itu bagi meninjau perkembangan projek penternakan lembu yang diusahakan PKPNK yang melibatkan dua komponen utama iaitu ternakan lembu hibrid Charolais dan lembu baka KK.

Gotong-Royong Perdana LA21 pupuk kesedaran kebersihan komuniti

Oleh: Irham Hilmi Hashim

TANAH MERAH, 18 Mei — Program Gotong-Royong Perdana Local Agenda 21 (LA21) Tahun 2026 di Bandar Baru Bukit Bunga berjaya memupuk kesedaran kebersihan komuniti menerusi penglibatan aktif masyarakat setempat dalam usaha menjaga kebersihan dan menceriakan persekitaran.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Bunga YB Mohd Almidi Jaafar berkata, program berkenaan menjadi platform penting dalam memperkukuhkan hubungan komuniti melalui penglibatan pelbagai pihak dalam aktiviti kemas-nyarakan.

Menurutnya, budaya gotong-royong perlu terus diperkasa kerana mampu mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, ceria dan selesa untuk didiami masyarakat.

“Program seperti ini bukan sahaja memberi manfaat dari sudut kebersihan kawasan, malah dapat mengeratkan ukhuwah serta semangat kebersamaan dalam kalangan penduduk setempat,” katanya dalam media sosial, Sabtu lalu.



Program berkenaan dirasmikan Timbalan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Dato' Abdul Rahman Yunus yang turut turun padang menyantuni rakyat serta menyertai aktiviti gotong-royong

yang berlangsung pada 14 Mei.

Turut hadir, Ketua Jajahan Tanah Merah Wan Ahmad Suwaidi Zainal Abidin bagi menyokong usaha memperkukuhkan agenda kebersihan dan kesejahteraan komuniti setempat.

Menurutnya, usaha berterusan melalui program seumpama itu diharapkan dapat menyemai kesedaran masyarakat supaya lebih prihatin terhadap kebersihan persekitaran selain terus berganding bahu menjayakan aktiviti komuniti.

Exco Belia seru pelajar tingkatan empat dan lima sertai KFLC 2026

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 20 Mei – Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menyeru pelajar tingkatan empat dan lima anak kelahiran Kelantan supaya merebut peluang menyertai Kelantan Future Leaders Camp (KFLC) 2026 yang bakal berlangsung pada 2 hingga 4 Jun ini.

Beliau berkata, program anjuran Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) itu terbuka kepada pelajar yang memiliki kad pengenalan berkod 03 tanpa mengira sama ada mereka belajar di Kelantan atau di luar negeri.

Menurutnya, KFLC 2026 akan diadakan di Damai Village Resort, Pantai Cahaya Bulan (PCB) dan memberi fokus kepada pembangunan kepimpinan, sahsiah serta ke-

cemerlangan akademik pelajar.

“Antara matlamat utama program ini ialah melatih adik-adik menjadi pemimpin yang baik untuk masa sekarang dan masa depan negeri Kelantan.

“Selain itu, program ini juga diharap dapat membantu peserta menjadi pelajar yang berjaya dalam akademik termasuk sebagai persediaan menghadapi peperiksaan SPM dan apabila melanjutkan

pengajian ke universiti,” katanya di laman rasmi pada Isnin.

Beliau berkata, pelbagai slot dan aktiviti menarik telah disusun sepanjang program berlangsung antaranya Leadership Development, Morning Drill, Leadership Challenge, Self Reflection, Explorace serta Leadership Forum.

Tambahnya, pendaftaran program berkenaan kini dibuka dan akan ditutup pada Sabtu, 23 Mei ini.

“Seperti biasa disebabkan program ni sangat eksklusif, peserta hanya terhad kepada 150 orang anak-anak Kelantan yang terbaik yang akan kita pilih” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan pelajar yang layak untuk segera membuat permohonan dan mendapatkan maklumat lanjut menerusi laman rasmi Kelantan Future Leaders Institute.

10 usahawan kecil terima bantuan Skim Bina Usahawan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 20 Mei — Sejumlah 10 usahawan kecil menerima bantuan wang tunai menerusi Skim Bina Usahawan DUN Gaal Fasa 1 Tahun 2026 sebagai inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan membantu meningkatkan ekonomi dan

pendapatan keluarga.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal YB Mohd Rodzi Ja'afar berkata, bantuan melibatkan peruntukan sebanyak RM10,000 itu diharap dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh para penerima bagi mengembangkan lagi perniagaan masing-masing.

ing.

Menurutnya, golongan peniaga dan usahawan kecil memainkan peranan penting dalam merencanakan ekonomi setempat selain membantu meningkatkan taraf kehidupan keluarga.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada Majlis Penyampaian Bantuan Skim Bina Usahawan DUN Gaal Fasa 1 Tahun 2026 di Dewan Sri Gaal, Pejabat Pusat Khidmat DUN Gaal, semalam.

“Gunakan dan manfaatkan sumbangan ini sebaiknya untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

“Bantuan ini juga sedikit sebanyak mampu meningkatkan semangat kepada peniaga dan usahawan untuk terus berusaha menambahkan pendapatan keluarga,” katanya.

Menurut YB Mohd Rodzi, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan dan pembangunan ekonomi rakyat khususnya golongan usahawan kecil yang memerlukan sokongan untuk meneruskan perniagaan.

Katanya, bantuan seperti itu diharapkan dapat memberi suntikan motivasi kepada penerima untuk terus berdaya saing dan memperkukuhkan sumber pendapatan keluarga.

Beliau turut berharap para penerima dapat menggunakan bantuan yang disalurkan secara berhemah demi memastikan perniagaan yang diusahakan terus berkembang pada masa hadapan.

ADN Pengkalan Kubor santuni tiga keluarga, serah bantuan Kifalah RM1,000

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 17 Mei — Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Wan Roslan Wan Hamat menziarahi tiga keluarga di Pengkalan Kubor yang diuji dengan kehilangan ahli keluarga, kemalangan serta kematian, sekali gus menyampaikan sumbangan khairat RM1,000 kepada waris yang terlibat.

Ziarah itu melibatkan keluarga Allahyarham Ab. Ghapar Jusoh di Kampung Bunohan dan Almarhumah Ramlah Che Lah di Kampung Kajang Sebidang, selain turut menziarahi keluarga Allahyarham Nor Hisyam Mat Rafin di Kampung Nechang bagi menyampaikan ucapan takziah serta berkongsi rasa dukacita atas pemergian arwah.

Menurutnya, sumbangan di bawah Skim Khairat Kifaalah Kerajaan Negeri Kelantan itu diharap dapat meringankan sedikit beban urusan keluarga dalam menghadapi



pi saat sukar kehilangan insan tersayang.

Dalam masa sama, beliau turut menziarahi Muhammad Zairul Ghazali di Teluk Jering yang sedang menerima rawatan selepas terlibat dalam kemalangan, serta mendoakan agar beliau segera

diberikan kesembuhan dan dipermudahkan urusan rawatan.

“Semoga Allah SWT mengurniakan ketabahan kepada seluruh ahli keluarga yang terlibat serta mengangkat segala ujian ini sebagai penghapus dosa dan tanda kasih sayang-Nya,” katanya men-

erusi media sosial, semalam.

Beliau turut menegaskan bahawa pendekatan ziarah rakyat merupakan antara usaha berterusan kerajaan negeri dalam mendekati masyarakat serta memastikan kebajikan rakyat sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

100 anak yatim di Kemuning terima skim pendidikan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 18 Mei – Sebanyak 100 anak yatim di kawasan Kemuning menerima Bantuan Skim Pendidikan Anak Yatim daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang

berlangsung di Pusat Khidmat DUN Kemuning, semalam.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor.

YB Ahmad Zakhran berkata,

bantuan tersebut merupakan antara usaha kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan serta pendidikan anak-anak yatim terus diberi perhatian.

Menurutnya, golongan anak yatim perlu disantuni dan dibantu

agar mereka dapat meneruskan kehidupan serta pendidikan dengan lebih baik.

Beliau turut mengingatkan mengenai ganjaran besar yang dijanjikan kepada mereka yang memelihara dan menyantuni anak yatim sebagaimana disebut dalam hadis riwayat Bukhari;

“Aku dan orang yang memelihara anak yatim akan berada di syurga seperti ini,” katanya sambil merujuk kepada hadis Rasulullah SAW yang menunjukkan jari telunjuk dan jari tengah yang dirapatkan.”

Menurutnya, bantuan yang disalurkan itu diharap dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh para penerima bagi keperluan pendidikan dan kebajikan mereka.

“Program ini tentunya menjadi medium mendekati masyarakat serta menyemarakkan budaya prihatin terhadap golongan yang memerlukan khususnya anak-anak yatim di kawasan DUN Kemuning,” ujarnya.

Koperasi Masjid Permatang Sungkai berjaya hasilkan kordial nanas

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 17 Mei — Koperasi Masjid Mukim Permatang Sungkai Berhad membuktikan kemampuan dalam memperkasa ekonomi komuniti apabila berjaya menghasilkan produk hiliran berasaskan nanas iaitu kordial nanas dan air nanas sedia diminum melalui pemprosesan hasil pertanian tempatan, sekali gus memberi nilai tambah kepada komoditi asas untuk pasaran yang lebih luas.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, pembangunan produk hiliran melalui institusi koperasi mampu memperkasa ekonomi komuniti serta meningkatkan nilai tambah hasil pertanian tempatan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Perasmian dan Pelancaran Produk Hiliran anjuran Koperasi Masjid Mukim Permatang Sungkai Berhad di Jeram Mengaji Agro Resort, semalam.

Menurutnya, penglibatan koperasi dalam sektor pemprosesan



makanan dan minuman memberi impak positif kepada pembangunan industri agromakanan negeri.

Beliau mengakui usaha tersebut membuktikan koperasi mampu memainkan peranan penting dalam membangunkan produk berkualiti serta berdaya saing selaras dengan keperluan pasaran semasa.

Tambahnya, komitmen ditunjukkan Ahli Lembaga dan anggota koperasi wajar diberi penghargaan kerana berjaya menggerakkan inisiatif yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan sektor pertanian negeri.

Beliau turut berharap usaha pembangunan produk hiliran itu

dapat diperluaskan pada masa hadapan bagi merencanakan lagi ekonomi komuniti serta membuka peluang baharu kepada pengusaha tempatan.

Untuk tempahan pembelian produk boleh hubungi Pengurus Pemasaran Rohana Che Kub (013-9456961).



22 petani Pulai Chondong terima bantuan peralatan pertanian



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 17 Mei — Sejumlah 22 petani di Pulai Chondong menerima bantuan peralatan pertanian sebagai usaha memperkasa sektor pertanian serta meningkatkan produktiviti hasil tanaman di kawasan berkenaan dalam satu program penyerahan yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Pulai Chondong, Khamis lalu.

Penyerahan bantuan disampaikan oleh Ketua Pegawai Tadbir DUN Pulai Chondong Mansor Mohamed mewakili Ahli Dewan

Negeri (ADN) Pulai Chondong YB Azhar Salleh.

Sehubungan itu, YB Azhar berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan golongan petani terus diberi perhatian melalui pelbagai bentuk sokongan dan bantuan.

Menurutnya, bantuan yang disalurkan bukan sahaja bertujuan meringankan beban petani, malah menjadi pemangkin kepada peningkatan hasil pengeluaran yang

memberi manfaat langsung kepada pendapatan keluarga serta pembangunan ekonomi setempat.

“Kerajaan negeri sentiasa cakna dan komited dalam memastikan kebajikan petani terus terbela melalui pelbagai bentuk sokongan dan bantuan yang disalurkan dari semasa ke semasa,” katanya menerusi media sosial, pada Jumaat.

Menurutnya, sektor pertanian kekal sebagai antara tunjang utama ekonomi rakyat di negeri ini dan perlu terus diperkukuh melalui sokongan berterusan termasuk penyediaan peralatan serta bantuan

teknikal kepada petani.

Tambahnya, antara peralatan yang diserahkan kepada penerima termasuk mesin rumput, mesin gergaji, pam racun, mesin tabur benih, pam air serta dawai duri pagar yang dijangka dapat membantu meningkatkan kecekapan kerja pertanian.

Beliau berharap agar semua penerima dapat memanfaatkan bantuan tersebut sebaik mungkin bagi meningkatkan hasil pertanian masing-masing seterusnya memperkukuh ekonomi keluarga dan negeri.



Sumber mineral diceroboh, 58 penguatkuasaan berjaya rampas 42 jentera bernilai RM8.4 juta

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Mei — Sebanyak 58 operasi penguatkuasaan berkaitan pencerobohan dan kecurian sumber mineral dilaksanakan di Kelantan sehingga April 2026, dengan 42 unit jentera penggorek (excavator) berjaya dirampas melibatkan anggaran nilai RM8.4 juta.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Dato' Hassan berkata, tindakan tegas itu membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam membanteras aktiviti perlombongan haram serta ketirisan hasil bumi negeri.

Menurutnya, isu pencerobohan dan kecurian sumber mineral merupakan kesalahan serius yang tidak akan dikompromi.

“Kerjasama ini bagi memastikan pemantauan, risikan dan tin-



dakan di lapangan dilaksanakan secara lebih tersusun, menyeluruh dan berterusan,” katanya menerusi media sosial pada Rabu.

Beliau berkata, operasi penguatkuasaan digerakkan secara bersepadu menerusi kerjasama Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan, Jabatan Perhutanan serta agensi keselamatan termasuk Polis Diraja

Malaysia (PDRM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU).

Terdahulu, beliau menerima pembentangan daripada Penolong Pengarah (Penguatkuasaan), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Alireza Ibrahim berkaitan pelaksanaan operasi terhadap aktiviti kecurian hasil bumi

dan perlombongan haram serta keberkesanan tindakan di lapangan.

Dalam pada itu, beliau menegaskan operasi dan pemantauan perlu terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan sumber negeri kekal terpelihara daripada sebarang bentuk pencerobohan dan ketirisan.

Menurutnya, Kerajaan Negeri Kelantan komited memperkukuh kerangka perundangan sedia ada melalui penambahbaikan undang-undang serta cadangan hukuman lebih berat sebagai langkah pencegahan lebih tegas terhadap pihak terlibat.

Pada masa sama, beliau merakamkan penghargaan kepada Pengarah PTG Kelantan Dato' Nik Raisan Daud serta seluruh anggota penguat kuasa dan agensi terlibat atas komitmen serta keberanian dalam melaksanakan amanah menjaga khazanah hasil bumi negeri.

Kelantan International Jamboree 4x4 2026 promosi ekopelancongan Kuala Balah



Oleh: Irham Hilmi Hashim

JELI, 17 Mei — Kelantan International Jamboree 4x4 2026 & Drive For Gaza 2.0 membuka ruang signifikan kepada usaha mempromosikan Kuala Balah sebagai destinasi ekopelancongan.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata penganjuran program berkenaan memberi pendedahan kepada ak-

tiviti sukan lasak 4x4 sekali gus menjadi platform strategik dalam memperkenalkan keunikan bentuk muka bumi serta potensi semula jadi yang terdapat di kawasan tersebut.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutup Kelantan International Jamboree 4x4 2026 & Drive For Gaza 2.0 yang berlangsung di trek baharu di bawah Jambatan Kuala Balah, semalam.

“Pemilihan lokasi baharu itu membuktikan bahawa Kuala Balah mempunyai kelebihan tersendiri untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan berasaskan sukan rekreasi, di samping eko pelancongan yang mampu menarik kehadiran pengunjung dari dalam dan luar negeri,” katanya.

Menurutnya lagi, program selama dua hari bermula 15 Mei hingga 16 Mei 2026 itu menghimpunkan peminat sukan lasak, komuniti 4x4

serta peserta dari pelbagai negeri dalam suasana penuh meriah dan semangat persaudaraan.

“Selain menguji ketahanan jentera dan kemahiran pemanduan di laluan mencabar, program itu turut membawa pengisian Drive For Gaza 2.0 yang menzahirkan solidariti serta keprihatinan terhadap isu kemanusiaan sejagat,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata sambutan menggalakkan daripada peserta dan pengunjung membuktikan bahawa penganjuran program seumpama ini memberi impak langsung kepada sektor pelancongan negeri, di samping membantu merencanakan ekonomi komuniti setempat serta memperkukuh kedudukan Jeli sebagai antara destinasi sukan lasak berpotensi di Malaysia.

Beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan terus memperkasa penganjuran program berasaskan pelancongan komuniti, eko pelancongan dan sukan rekreasi sebagai sebahagian usaha berterusan memperkukuh sektor pelancongan negeri pada masa akan datang.

Khemah Rehlah tambah tarikan riadah keluarga di Kale Pok Kie

Oleh: Irham Hilmi Hashim

JELI, 17 Mei — Penyediaan kemudahan khemah rehlah di Pengkalan (Kale) Pok Kie dijangka menjadi nilai tambah kepada tarikan riadah keluarga di kawasan perkelahan itu, sekali gus meningkatkan keselesaan pengunjung dan merencanakan pelancongan komuniti setempat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato' Abdul Hadi Awang Kechil berkata, penyediaan kemudahan perlindungan kalis air dan pemasangan yang pantas itu merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri Kelantan menerusi portfolio Exco Pelancongan dalam memperkasa fasiliti rekreasi agar lebih mesra pengunjung.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Program Rehlah KITABINA@Kale Pok Kie dan Majlis Penyerahan Khemah Rehlah yang dihadiri lebih 100 peserta dari pelbagai peringkat usia, semalam.

Menurutnya, kemudahan berk-



naan mampu memberi keselesaan kepada pengunjung bahkan berpotensi menjadikan Kale Pok Kie sebagai lokasi pilihan bagi penganjuran program hari keluarga melibatkan agensi kerajaan, pertubuhan mahupun pihak swasta.

“Penyediaan khemah rehlah ini diharap dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh masyarakat setempat dan pengunjung luar sebagai ruang riadah yang lebih selesa dan tersusun,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada KITABINA selaku Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bekerjasama dengan pengusaha tapak perkela-

han Deris Che Sof, 62, atau lebih dikenali sebagai Pok Kie atas komitmen berterusan menyediakan kemudahan kepada pengunjung sehingga lokasi itu semakin dikenali ramai.

Katanya, keindahan alam semula jadi dengan aliran air yang jernih dan suasana nyaman menjadikan Kale Pok Kie antara destinasi riadah pilihan masyarakat untuk meluangkan masa bersama keluarga.

“Usaha menganjurkan program rehlah seperti yang KITABINA laksanakan ini dengan kerjasama PKD Kuala Balah dan Kale Pok Kie wajar diteruskan dan dicontohi kerana aktiviti sihat ini memberi

manfaat kepada masyarakat, sekali gus menyokong pembangunan ekonomi setempat melalui sektor pelancongan komuniti,” jelasnya.

Beliau turut mengingatkan pengunjung agar sentiasa menjaga kebersihan kawasan rekreasi sebagai tanda kesyukuran terhadap nikmat alam yang dikurniakan.

Katanya, peminat aktiviti riadah bersama keluarga dan sahabat handai perlu memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih selepas beraktiviti sama ada di pusat rekreasi persendirian mahupun lokasi di bawah seliaan Majlis Daerah Jeli (MDJ) seperti Pusat Rekreasi Dendong, Batu Melintang.

Projek terung Muhammad Sopyyullah jadi inspirasi belia Guchil

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 17 Mei – Projek tanaman terung yang diusahakan seorang pemuda Kampung Jeram Batu Muhammad Sopyyullah Mohamad Lawi, 26, kini menjadi inspirasi kepada golongan belia di DUN Guchil untuk menceburi bidang pertanian secara lebih serius.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah berkata, usaha anak muda tersebut membuktikan sektor pertanian mempunyai potensi besar untuk menjana pendapatan selain mampu membuka peluang ekonomi kepada masyarakat setempat.

Beliau berkata demikian selepas meluangkan masa bersama wakil belia kawasan itu meninjau projek tanaman terung di Cawangan Bechah Salak, semalam.

Menurutnya, tanaman yang diusahakan di kawasan seluas kira-kira 1.7 ekar itu kini berusia sekitar dua bulan dan dijangka mula mengelu-



arkan hasil pada awal Julai nanti.

“Insyallah, kita akan sokong dan melihat bentuk bantuan yang sesuai untuk saudara Sofiyullah sebagai motivasi kepada anak-anak muda di kampung untuk terlibat dalam bidang pertanian dan penternakan,” katanya menerusi ken-

yataan di laman rasmi hari ini.

Tambahnya, penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan perlu terus diperkasakan kerana bidang tersebut mampu menjadi sumber pendapatan yang stabil jika diusahakan secara konsisten dan terancang.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan turut berharap lebih ramai belia di kawasan luar bandar tampil memanfaatkan tanah yang ada dengan aktiviti pertanian dan penternakan demi meningkatkan taraf ekonomi keluarga serta komuniti setempat.



Sumber mineral diceroboh, 58 penguatkuasaan berjaya rampas 42 jentera bernilai RM8.4 juta

Tajaan RM10,000 bantu Juara Piala MB sertai Liga A3

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 19 Mei — Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan tajaan RM10,000 bagi membantu Johan dan Naib Johan Piala Menteri Besar (MB) menyertai Liga A3 musim ini sebagai usaha memperkukuh pembangunan bola sepak akar umbi ke peringkat lebih kompetitif.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, bantuan menerusi peruntukan exco itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam membuka laluan kepada pasukan terbaik Liga Elit DUN (LED) Kelantan untuk melangkah ke tahap lebih tinggi secara lebih tersusun.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Kejohanan Bola Sepak Liga Elit DUN Negeri Kelantan Musim 2026 di H-Elite Tunjong, di sini, semalam.

Menurutnya, meskipun Liga A3 Kelantan tidak dapat dianjurkan tahun lalu, pihak penganjur memaklumkan kejohanan tersebut dijangka kembali berlangsung pada tahun ini.

“Sebagaimana janji sebelum ini, kerajaan negeri melalui peruntukan Exco akan menaja RM10,000 bagi membantu pemenang Piala MB menyertai Liga A3.

“Tajaan ini terbuka kepada Johan dan Naib Johan Piala MB sebagai bantuan penyertaan bagi memperkukuh lagi pembangunan bola sepak negeri,” jelasnya.

Beliau juga memaklumkan, LED ialah medan membina



disiplin, semangat berpasukan, ukhuwah dan kepimpinan dalam kalangan anak muda.

Menurutnya, kerajaan negeri mahu menjadikan padang bola sepak sebagai ruang melahirkan generasi muda yang berjati diri, berdisiplin dan memiliki karakter positif.

“Ini adalah ruang untuk anak muda mengekspresikan bakat mereka. Kita mahu lebih ramai pemain berbakat dari kampung dan DUN diketengahkan sehingga mampu melangkah ke peringkat lebih tinggi,” tegasnya.

Tambahnya, ramai pemain berbakat negeri bermula daripada pertandingan akar umbi termasuk pemain Kelantan WTS FC yang pernah beraksi di peringkat DUN sebelum menyerlah di pentas lebih tinggi.

Dalam perkembangan sama, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan negeri terus memberi perhatian terhadap pembangunan infrastruktur sukan menerusi agenda Satu DUN Satu Padang Bola.

Katanya lagi, lebih 85 peratus DUN di Kelantan kini memiliki

padang bola sepak yang sempurna, manakala beberapa kawasan lain masih menggunakan padang sekolah dan kemudahan sedia ada untuk aktiviti setempat.

“Kerajaan negeri akan memberi perhatian serius supaya setiap DUN mempunyai padang bola sepak yang selesa demi kelangsungan pembangunan sukan anak muda,” ujarnya.

Beliau turut menjelaskan syarat penyertaan LED musim ini diperketatkan dengan menetapkan pemain mestilah berdaftar sebagai pemilih di DUN atau Parlimen yang diwakili bagi memastikan persaingan lebih adil dan seimbang.

Langkah itu bertujuan memberi peluang lebih saksama kepada anak muda tempatan menonjolkan bakat tanpa perlu bersaing dengan pemain luar yang diimport.

Dalam masa sama, beliau berkata kerajaan negeri sedang mempertimbangkan pembinaan litar motorcross di Pasir Puteh sebagai sebahagian usaha memperluas pembangunan sukan belia.

“Apabila anak muda sibuk den-

“Ini adalah ruang untuk anak muda mengekspresikan bakat mereka. Kita mahu lebih ramai pemain berbakat dari kampung dan DUN diketengahkan sehingga mampu melangkah ke peringkat lebih tinggi”

gan aktiviti bermanfaat, mereka akan terhindar daripada gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, lumba haram dan budaya lepak.

“Kita mahu tenaga dan semangat anak muda disalurkan kepada perkara positif serta memberi manfaat kepada masyarakat,” katanya.

Beliau turut mengingatkan semua pemain dan pengurusan pasukan agar menjaga disiplin, akhlak serta semangat kesukanan sepanjang kejohanan berlangsung.

“Tahun lalu kejohanan berjalan dengan baik walaupun terdapat beberapa insiden kecil akibat emosi perlawanan.

“Namun budaya negatif seperti pergaduhan tidak boleh dinormalisasikan dan pengurusan pasukan perlu memainkan peranan penting dalam mengawal pemain,” katanya.

Beliau berharap LED Kelantan Musim 2026 berjalan lancar dan terus menjadi platform terbaik dalam memperkukuh pembangunan sukan, perpaduan masyarakat serta pembangunan belia negeri.

